

TARIKH	9 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1 - 24	RUANGAN	NEWS

# Jemaah haji dikuasai wanita

*Kaum lelaki digesa supaya segera buat pendaftaran bagi giliran tahun 2052*

**NORHAFIZAN ZULKIFLI**

**JENGA 20** - Wanita kini menguasai majoriti jumlah jemaah haji yang berdaftar di bawah Tabung Haji Cawangan Jengka dan perkara ini dikatakan menimbulkan tanda tanya pihak pengurusan.

Pengurusnya, Rusli Abu Bakar berkata, tidak diketahui punca sebenar mengapa perkara ini berlaku, beliau menggesa kepada sesiapa yang ingin mendaftar haji, khususnya kaum lelaki agar melakukan hal sedemikian dengan kadar segera.

"Giliran jemaah haji kini menginjak sehingga ke tahun 2052. Itu pun, saya difahamkan, kuota kekosongan sudah tinggal sedikit.

"Justeru saya menyeru masyarakat, khususnya kaum lelaki, agar mendaftarkan diri dengan segera bagi giliran 2052 itu dan wang pendaftaran sebanyak RM1,300," katanya.

Tambahnya lagi, beliau menyifatkan wanita sebagai lebih ke hadapan berbanding lelaki dan juga mungkin mempunyai lebih kesedaran untuk menyegerakan ibadah haji ini.

Dalam pada itu, seramai 160 bakal jemaah haji hadir ke Program Qiamullail Bakal-bakal Haji, di Masjid Felda Jengka 20, kelmarin.

Menurut Rusli, program yang menghimpunkan bakal haji yang berdaftar di bawah Tabung Haji Cawangan Jengka ini diadakan bagi memberi ta-


limat dan latihan akhir buat bakal jemaah ini sebelum berlepas ke Mekah.

"Kita mahu jemaah haji ini membiasakan diri dengan suasana di Mekah nanti selain tahu apakah yang patut mereka lakukan: ketika berada di sana.

"Program ini juga memberikan pengalaman sebenar kepada jemaah haji seolah-olah mereka berada di sana agar dapat mereka melakukan ibadah dengan mudah selain memperoleh haji mabrur kelak," katanya.

Katanya lagi, pelbagai acara diselitkan dalam program tersebut dan Qiamullail adalah acara kemuncak selain diselitkan dengan ceramah berkaitan disampaikan penceramah jemputan serta majlis tahlil dan bacaan Yasin.

Difahamkan, jemaah pertama dari cawangan Jengka pada tahun ini akan berlepas pada 19 September nanti dengan menaiki penerbangan KT10.



Sebilangan bakal jemaah haji Jengka membuat majlis tahlil dan bacaan Yasin di Masjid Felda Jengka 20, kelmarin.